

|           |               |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date      | 25 JULY 2017  |

# Puad tidak sabar debat dengan Tun Mahathir

BH - 25/7/2017 pg. 7

[FOTO ROZAINAH ZAKARIA/BH]

**Kuala Nerus:** Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi menyifatkan Tun Dr Mahathir Mohamad membuat keputusan tepat apabila menyatakan kesediaan berdebat dengannya pada program 'Nothing to Hide 2.0' yang bakal dianjurkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Beliau berkata, ia satu penghormatan buat dirinya dan tidak sabar berdebat dengan pengerusi pakatan pembangkang itu untuk membangkitkan pelbagai perkara dan mendapatkan jawapan daripada bekas perdana menteri itu.

"Saya difahamkan Tun M kata OK, dengan sesiapa pun boleh berdebat. Ini satu peluang terbaik untuk saya bersemuka dengan beliau dan tidaklah kita hanya saling menjawab di media sosial.

## Satu penghormatan

"Sekiranya Tun M sudi berdebat dengan saya, ia satu penghormatan dan keputusan betul kerana tidak semestinya beliau perlu berdebat dengan Perdana Menteri saja.

"Saya juga banyak benda untuk dibangkitkan dan perlukan jawapan daripada beliau sesuai dengan apa yang dikatakan 'Nothing to Hide,'" katanya selepas Majlis Sambutan Aidilfitri Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rah-

man dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Wan Nawawi Wan Ismail.

Sebelum ini, Mohd Puad menawarkan diri berdebat dengan Dr Mahathir yang mahu berdebat dengan Najib berhubung isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada forum 'Nothing to Hide 2.0'.

Mohd Puad berkata, program debat itu diharap dapat menjadi platform yang boleh dimanfaatkan rakyat, terutama dalam mendapatkan maklumat tepat dan benar berhubung pelbagai isu membabitkan kerajaan.

Beliau yang juga Ketua Pengarah JASA berkata, pihaknya menyerahkan kepada penganjur program untuk menentukan lokasi, masa dan tarikh debat akan dianjurkan.

Sementara itu, Mohd Puad berkata, JASA memberi tumpuan dan keutamaan dalam dua aspek komunikasi strategik iaitu kandungan dan sebaran maklumat di media sosial bagi memastikan kerajaan dapat menangkis berita fitnah, terutama dalam menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) tidak lama lagi.

"Ini sangat penting kerana menjadi tanggungjawab JASA memastikan rakyat menerima maklumat betul dan tepat.

"Justeru, kita akan pastikan kandungan maklumat yang tepat dan sebarannya sampai kepada rakyat," katanya.



**Ahmad Razif (kanan) bersama Mohd Puad** menyampaikan duit raya kepada anak yatim Darul Akhyar, Batu Rakit pada Majlis Mesra Aidilfitri JASA Terengganu di Kuala Nerus, semalam.